



**MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**  
**JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN**

**KENYATAAN TAWARAN**

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Taraf Bumiputera oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan tawaran bagi kerja-kerja berikut :

BIL	TAJUK PROJEK & NO. SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN
1.	MEMBINA DAN MENYIAPKAN PENGHADANG KESELAMATAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI DATARAN SHAHBANDAR, KUALA TERENGGANU ( TAWARAN SEMULA ) - ( MBKT SH 101/2017 )	Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE21	RM 20.00
2.	MEMBINA TANDAS AWAM DAN MENAIKTARAF KAKI LIMA GERAI KUIH PENGADANG AKAR, KUALA TERENGGANU ( MBKT SH 102/2017 )	Gred G1 Kategori B Pengkhususan B04	RM 20.00

2. Naskah Sebutharga dan makluman lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di Bilik Tawaran Bahagian Kontrak dan Pelaburan, Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu.
3. Naskah Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor atau wakil yang sah dengan membawa Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputera dan satu (1) Salinan fotostat bagi setiap Salinan sewaktu membeli Dokumen Sebutharga.
4. Naskah Sebutharga akan dijual mulai hari AHAD, 06 Ogos 2017 hingga hari RABU 16 OGOS 2017 yang boleh dibuat secara Tunai/Deraf Bank/Wang Pos/Kiriman Wang Pos yang dibuat atas nama "DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU".
5. Sebutharga ini akan ditutup pada hari Khamis, 17 OGOS 2017. Naskah Sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan "Tajuk" dan "No.Sebutharga" berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran sebutharga di Bahagian Kontrak dan Pelaburan, Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu pada atau sebelum jam 12:00 Tengah Hari pada hari tersebut.
6. Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun mana-mana tawaran. Kontraktor yang Berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran di buat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahlaku Sebutharga tamat akan diambil tindakan ke atas pendaftarannya dan juga akan menanggung segala kos perbezaan.

  
( ZULKAFELI BIN OMAR )

Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu